



Perbezaan Pandangan Terhadap Penggunaan Matawang Fiat dalam Islam: Satu Analisis Kritikal

*Different Opinions from Islamic Perspectives Towards
the Use of Fiat Money: A Critical Analysis*

AHMAD ZAKY MD ALI @ TAHIR (Corresponding Author)

MOHAMAD SABRI HARON

ROSLI MOKHTAR

Institut Islam Hadhari

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi Selangor

zakyputraajaya@gmail.com, rosli@kuis.edu.my,

sabrie@ukm.edu.my

**Matawang
Fiat Perspektif
Islam**

135

Submitted: 21 July 2018
Revised: 16 September 2018
Accepted: 26 October 2018
E-Published: 30 October 2018

ABSTRAK

Wujudnya kecenderungan dalam kalangan umat Islam pada masa kini untuk menggunakan matawang dinar dan dirham sebagai matawang Islam telah menjadikan isu matawang sebagai tajuk penting yang sering ditimbulkan dalam perbincangan ilmiah. Kecenderungan ini terbahagi kepada tiga golongan yang berpegang kepada pandangan fikah yang berbeza. Pertama golongan yang mewajibkan penggunaan matawang hanya dari emas dan perak. Kedua golongan yang membolehkan penggunaan matawang dari semua barangan yang dianggap berharga seperti emas, perak, logam, aloi dan dari bahan bukan logam berdasarkan kepada nilai intrinsiknya dan golongan ketiga yang mengharuskan penggunaan matawang dinar, dirham dan matawang fiat yang mempunyai nilai *wahmi* dengan kawalan kerajaan sesuai dengan keperluan semasa dan tidak menyalahi Syarak. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis perbezaan pandangan tersebut dan menilai hujah-hujah yang dikemukakan. Kajian ini turut membincangkan kerelevanan penggunaan matawang logam dan bukan logam menurut perspektif fikah dan realiti semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan yang merujuk kepada penulisan dan pandangan oleh ulama terdahulu dan ulama kontemporari. Kajian ini mendapati penggunaan dinar dan dirham sebagai matawang adalah amat penting dalam melaksanakan kewajipan agama namun hari ini kekurangan emas khususnya menjadikan penggunaannya terhad. Justeru penggunaan matawang fiat adalah dibolehkan berdasarkan masalah dan ijmak ulama.

Kata Kunci: Matawang, Khilaf, Fiat, Dinar, Dirham.





ABSTRACT

The tendency among Muslims nowadays to use dinars and dirhams as Islamic currency makes the issue of currency an important topic in academic discussions. This tendency is divided into three different of opinions in fiqh. The first group is of the opinion that only gold and silver can be used as currency. The second group allows the use of valuable materials such as gold, silver, metal, alloy and non-metallic materials based on its intrinsic value. The third group allows the use of dirhams, dinars and fiat money with *wahmi* value which is controlled by the government in accordance with current needs and is not contrary to Shariah tenets. The objectives of this study are to analyse the differences of opinions and to asses the arguments presented. This study also discusses the relevancy of the use of metal and non-metal currency, between fiqh perspective and current reality. This study adopts library research approach by making reference to the writings and opinions of the previous scholars and contemporary scholars. This study finds that the use of dinars and dirhams as a currency is of paramount importance in fulfilling religious obligations but its use is limited, due to lack of gold, in particular. Hence, the use of fiat money is permissible, on the basis of *maslahah* and consensus of the ulama.

Keywords: Currency, *Khilaf*, Fiat, Dinar, Dirham.

PENDAHULUAN

Penggunaan matawang dalam Islam adalah berkaitan secara langsung dengan hukum fikah. Ianya juga sebagaimana masalah fikah yang lain tidak sunyi dari khilaf di dalam keharusan menggunakannya dan juga jenis-jenis matawang yang di benarkan di sisi syarak. Ianya berpunca dari kefahaman ulama tentang nas Al-Quran dan hadis Nabi SAW. Ada ulama yang mengambilnya secara *harfi* dan ada yang mengambilnya secara *maqasidnya* atau mengikut qias berkenaan nas yang asal. Semua ijihad ini menimbulkan kesan hukum yang berbeza dari pandangan kumpulan yang berlainan. Secara umum penggunaan matawang sama ada menggunakan dinar yang dibuat dari emas, dirham dari perak atau sebagainya secara ringkasnya ianya boleh dikumpulkan dan dibahagikan kepada tiga kumpulan yang utama berdasarkan penulisan para ulama terdahulu dan kini dalam bab ini. Pendapat ini masih berterusan sehingga kini dan kesemua mereka mempunyai hujah dalam mempertahankan apa yang mereka pegang. Tiga pendapat utama itu ialah:

- i. Matawang di sisi syarak hanyalah terdiri dari dinar dan dirham sahaja. Maka haram menggunakan medium yang lain sebagai matawang di sisi Islam.
- ii. Matawang boleh digunakan dari sumber yang dianggap berharga oleh masyarakat seperti dinar, dirham, fulus, kulit unta, kulit kerang dan sebagainya yang mempunyai nilai intrinsik padanya.
- iii. Matawang boleh dijadikan dari pelbagai sumber seperti emas, perak dan sebagainya termasuk kertas. Penetapan matawang ini adalah berdasarkan kepada ketetapan pemerintah dan kawalan yang dikenakan kepada penggunaan matawang itu.



Daripada pandangan ulama yang berbeza ini jelas kepada kita bahawa penetapan matawang di sisi Islam adalah perkara *ijtihadi* dan bukannya perkara yang muktamad. Hujah tiga golongan yang dinyatakan di atas akan dibincangkan secara mendalam, termasuk nas-nas yang digunakan, kefahaman mereka terhadap nas tersebut, kritikan serta jawapan bagi kritikan yang dikemukakan itu. Ini akan menjelaskan kepada kita gambaran sebenar punca khilaf ini dan kesan yang akan berlaku berkaitan dengan ijtihad tersebut.

Dari segi tinjauan literatur dalam isu ini, semua ulama *mutakaddimin* menyatakan bahawa penggunaan wang emas dan perak adalah menjadi kewajipan ummah dalam melaksanakan tanggungjawab dan tuntutan Islam yang berkaitan dengan penggunaan harta ini jelas dinyatakan oleh ulama antaranya daripada:

- Kitab-kitab tafsir seperti Tafsir Tobarī (1420H), Tafsir al-Qurtubī (1437H), Tafsir Ibn Kathīr (1419H).
- Mazhab Hanafī seperti Tuḥfatul Fuqaha (1405H), al-Baḥru al-Raīk Sharḥu Kanzu al-Daqaīk (t.th), Baḍai al-Sonai Fi Tartībī al-Sharai (1406H), al-Mabsut (1414H), Rad al-Mukhtar Ala Durri al-Mukhtar Sharḥu Tanwirul al-Absar (1423H). Al-Ikhtiyar li Taklīl al-Mukhtar (1356H).
- Mazhab Maliki seperti Hashīah al-Dasuki la al-Shrhu al-Kabir (t.th), Bidayatul al-Mujtahid Wa Nihayatul al-Muqtasid (1425H). al-Mudawwanah (1415H).
- Kitab Mazhab Syafīe seperti al-Bujairimi la al-Khatīb (1417H), Iqna' (t.th), al-Umm (1422H), al-Hawī al-Kabir (1414H), Nihayatul Muhtaj Ila Sharḥi al-Minhaj (1404H).
- Mazhab Hanbali seperti al-Mughni Ibn Qudamah (1388H), Kasafu al-Qina An Matni al-Iqna (t.th), al-Kafi Fi Fiqhi al-Imam Ahmad (1414H), Syarah Muntaha al-Iradat (1414H).
- Kitab syarah hadis seperti kitab Irshad al-Sari Ila Sharḥi Sahih al-Bukhari (1323H), al-Tausheh Sharḥu al-Jami al-Sohih (1419H), al-Kawakib al-Dirori Fi Sharḥi Sahih al-Bukhari (1401H), al-Dibaj Ala Sahih Muslim Bin al-Hajjaj (1416H), Sahih Muslim Bi Syarḥi al-Nawawi (1347H).

Sebagaimana di zaman ini terdapat juga golongan yang mengkaji perniagaan dinar dan dirham seperti Hosein (2008), Ahmad Kameel (2002), Ahmad Kameel (2003) daripada gerakan Murabituns seperti Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi (1996), Vadillo (1996), Nuradli Ridzwan Shah (2004) dan Zuhaimy (2003) yang juga menyokong penggunaan dinar dan dirham sebagai matawang dalam zaman moden ini.

Manakala golongan kedua yang membolehkan penggunaan dinar dirham dan lain-lain benda yang mempunyai nilai intrinsik sebagai matawang adalah pendapat dari Imam Malik dalam al-Mudawwanah al-Qubra (1415H). Ini adalah berdasarkan kepada *athar* yang merujuk kepada Saidina Umar yang hendak membuat matawang menggunakan kulit unta. Pendapat ini juga disokong oleh Ibnu Taimiyyah dalam salah satu fatawanya dalam Kitab *Fatawa al-Qubra* (1408H) namun al-Maqriẓi (1957) dan Imam al-Sarkhasi menyatakan bahawa penggunaan fulus sebagai matawang hanyalah satu penggunaan istilah bahasa sahaja dalam kalangan manusia.



Manakala pendapat ketiga adalah pendapat jumhur ulama moden yang telah disepakati secara sukuti dan ianya juga dinyatakan dalam fatwa oleh Rabitah Alam al-Islami (2004). Fatwa ini walaupun datang agak lambat berbanding penggunaan wang fiat namun ianya diakui oleh umat Islam secara ijmak.

Justeru timbul khilaf yang besar dalam penggunaan matawang atau apa yang dianggap matawang dalam kalangan ulama. Justeru hal ini memerlukan satu kajian komprehensif berkaitan tajuk ini dan kepentingannya. Kajian perpustakaan dipilih berbanding kajian temu ramah lapangan adalah kerana kajian lebih menepati kehendak tujuan kajian ini. Ini kerana khilaf ulama banyak didapati dalam kitab-kitab yang ditulis oleh ulama terdahulu.

PENDAPAT PERTAMA: MATAWANG HANYALAH TERDIRI DARI DINAR DAN DIRHAM SAHAJA

Pendapat yang pertama berpendapat matawang mesti diperbuat dari emas dan perak sahaja. Maka tidak harus menggunakan yang lain selain dari dua logam tersebut sahaja iaitu emas dan perak. Manakala bagi matawang fulus, ulama dari golongan yang pertama ini tidak menganggapnya sebagai matawang daripada pandangan syarak. Bahkan mereka menganggapnya sebagai *urud* iaitu sebagai benda yang berharga tetapi tidak dikenakan hukum zakat, pembayaran diat, tidak berlaku riba padanya dan sebagainya pada matawang tersebut. Pandangan ulama yang pertama ini adalah berdasarkan kepada pandangan ulama yang awal seumpama Abu Hanifah dan Abu Yusuf yang berpendapat riba tidak berlaku kepada logam yang lain kecuali yang diperbuat daripada emas dan perak (Al-Kasani 1982; al-Mabsut 1986).

Menurut Muhammad Aslam dan Barakat (2006) pendapat yang pertama ini adalah pendapat jumhur dan antara ulama terdahulu yang berpendapat sedemikian dalam kalangan Mazhab Hanafi ialah Imam Hanafi dan Abu Yusuf. Manakala dalam kalangan Mazhab Maliki ialah Ibn Nafi', al-Adawi dan Shaykh 'Alish, Mufti Mazhab Maliki di Mesir. Manakala dalam kalangan Mazhab Syafie pula ialah al-Ghazali, al-Nawawi, al-suyuti dan al-Maqrizi, Begitu juga satu pendapat dari dua pendapat dalam mazhab Imam Hambali serta juga pendapat dalam kalangan Imam tabiin iaitu Mujahid dan Nakha'i. Dalam kalangan ulama semasa yang menyokong pandangan ini ialah Shaykh Ahmad al-Khatib, Shaykh 'Abd al-Rahman al-Sa'di (1376 H), Ibn Badran, Ahmad al-Husayni (1332/1914), Shaykh al-Muti'i, Shaykh Muhammad Amin al-Shanqifi (1393 H), Taqi al-Din al-Nabhani, Muhammad Baqir al-Sadr, Muhammad Makhluaf, Hassan Ayyub dan Nasir Farid Wasil.

Hujah Pandangan Pertama

Antara dalil Jumhur yang tidak menerima selain emas dan perak sebagai matawang ialah:

- i. Firman Allah SWT di dalam surah At-Taubah 9:34-35. Ayat tersebut amat jelas menyebut tentang penggunaan emas dan perak sebagai kekayaan yang ada di

sisi manusia dan disimpan oleh mereka. Ini menunjukkan juga bahawa emas dan perak juga digunakan sebagai matawang yang diakui di sisi syarak. Lebih jelas lagi Allah menjanjikan azab yang pedih bagi golongan yang tidak menunaikan zakat emas dan perak tersebut termasuk matawang yang disimpan.

- ii. Firman Allah SWT di dalam Al-Quran adalah banyak menunjukkan emas dan perak digunakan sebagai matawang antaranya surah Ali-Imran ayat 91. Ayat ini adalah jelas menyatakan bahawa emas sebagai salah satu cara yang digunakan untuk bermuamalah. Maka jelas kepada kita bahawa emas dalam ayat di atas dirujuk sebagai pembayaran atau untuk penebusan diri. Maka jelaslah kepada kita bahawa wang syarie di sisi syarak hanyalah terdiri dari emas dan perak sahaja.
- iii. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 20. Dalam ayat ini juga jelas kepada kita bahawa dirham iaitu wang perak adalah digunakan sebagai medium pertukaran dalam pembelian. Maka jelas kepada kita Allah SWT mengiktiraf emas dan perak sebagai matawang.
- iv. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Kahfi ayat 19. Dalam surah Al-Kahfi Allah berfirman tentang golongan pemuda yang ditidurkan di dalam gua untuk tempoh tiga ratus tahun. Seterusnya Allah SWT berfirman dalam ayat di atas di mana mereka telah dibangkitkan dari tidur selepas itu dan telah mengutus kan seorang dari mereka untuk membeli makanan dengan menggunakan wang *warik* yang ada pada mereka. Menurut Al-Zabidi dalam Taj Al-Arus (t.th) *wariq* ialah wang dirham dan ianya wang yang diperbuat 100% dari perak tulen. Menurut Ibn Arabi *warik* ialah harta dan perak. Baidhawi (1996), Ibn Jauzi (1984), Al-Baghawi (1987) juga menyatakan *wariq* ialah wang perak yang telah siap ditempa. Sabda Nabi SAW adalah jelas menyebut emas dan perak sebagai matawang yang mempunyai hukumnya yang tersendiri. Seperti hukum berkaitan zakat, pembayaran diat dan sebagainya.
- v. Nabi SAW telah menunjukkan contoh sepanjang hayat baginda dengan menggunakan dinar dan dirham sebagai matawang. Ini menunjukkan bahawa hanya dinar dan dirham yang diperbuat daripada emas dan perak sahaja yang diakui sebagai matawang syarie di sisi syarak.
- vi. Pengharaman penggunaan emas sebagai perhiasan untuk lelaki oleh Nabi SAW menunjukkan emas mempunyai kegunaan yang lain terutamanya sebagai matawang.
- vii. Harta adalah bentuk kekayaan yang ada pada manusia, emas dan perak adalah salah satu bentuk kekayaan yang diancam dengan azab jika tidak ditunaikan zakat padanya. Justeru itu harta yang sebenarnya adalah emas dan perak.



- viii. Hukum hakam di dalam syariah adalah jelas meletakkan emas dan perak sebagai matawang. Ini tidak berlaku pada logam yang lain.
- ix. Nabi Muhammad SAW sendiri sepanjang hidupnya banyak merujuk kepada emas dan perak dalam perkara berkaitan hukum. Baginda menganggap emas dan perak sebagai matawang.
- x. Sahabat-sahabat Nabi SAW selepas baginda juga menggunakan emas dan perak sebagai matawang serta menggunakan kiraan emas dan perak dalam hukuman yang dilaksanakan.
- xi. Emas dan perak adalah diterima secara umum sebagai matawang.
- xii. Emas dan perak adalah jauh lebih stabil nilainya berbanding dengan logam yang lain.
- xiii. Adalah menjadi tanggungjawab negara untuk membuat, membekal dan menguatkuasakan penggunaan emas dan perak sebagai matawang.
- xiv. Emas dan perak lebih dilihat sebagai matawang berbanding sebagai barangan komoditi.
- xv. *Illah riba* disisi jumhur yang ada pada emas dan perak ialah terletak pada nilainya (*thamaniyyah*). Melainkan Hanafi yang meletakkan *illah* tersebut pada berat iaitu timbangan yang sama, sebab Nabi SAW bersabda *waznan bi waznin*. Ini juga pendapat Syiah Imamiah dan Syiah Zaidiyyah. Ini menunjukkan emas dan perak adalah dua logam berharga yang dijadikan matawang kerana nilai *thamaniah* yang ada pada keduanya berbanding logam yang lain.

PENDAPAT KEDUA: MATAWANG TERDIRI DARI EMAS, PERAK DAN BENDA BERHARGA YANG LAIN

Manakala pendapat yang kedua yang menyatakan bahawa semua wang termasuk wang fulus atau wang yang diperbuat daripada mana-mana logam seumpama timah, gangsa, kuprum, aloi dan lain-lain bahan termasuk dari sumber yang bukan logam juga adalah termasuk dalam kategori wang. Mengikut pendapat ini semua bahan yang berharga atau dianggap berharga oleh masyarakat mengikut *uruf* dan digunakan sebagai menyimpan nilai untuk pertukaran dan perdagangan adalah dianggap sebagai wang. Ini kerana semua logam tersebut seumpama emas, perak, timah, gangsa, kuprum, aloi dan logam-logam yang lain mempunyai nilai intrinsiknya tersendiri yang terletak pada bahan tersebut walaupun sedikit. Justeru itu, semua bahan yang diiktiraf sebagai wang dan mempunyai nilai intrinsik walaupun sedikit boleh dimanfaatkan sebagai matawang termasuk gigi palsu, kulit kerang, beras, lilin, lebah, kerbau, tepung emas, kelapa, bijian, besi, lembu, bulu, koko, garam dan tikar yang pernah digunakan di pelbagai tempat di seluruh dunia (Prager, 1982).



Penggunaan sumber yang lain sebagai matawang juga diriwayatkan dari Sayidina Umar r.a. yang berhasrat untuk menjadikan dirham dari kulit unta tetapi membatalkan hasratnya selepas ditegur kerana dikhuatiri kepupusan kulit unta satu hari nanti (al-Baladhuri 1983). Dari peristiwa ini dapatlah kita fahami bagaimana Sayidina Umar r.a. telah memikirkan untuk menggunakan medium yang lain selain dari emas dan perak sebagai matawang. Ini kerana unta adalah haiwan yang berharga di sisi masyarakat Arab dan mereka banyak menggunakan unta dalam kegiatan kehidupan mereka seharian. Justeru itulah Sayidina Umar r.a. hendak menjadikan dinar dari kulit unta kerana nilai intrinsik yang ada padanya walaupun nilainya tidak boleh mengatasi nilai dinar dan dirham tetapi ianya boleh digunakan sebagai wang pecah atau wang bernilai rendah dalam muamalah seharian. Sebagaimana kedudukan *qirat* di zaman Nabi SAW juga sebagai wang kecil.

Menurut Muhammad Aslam dan Barakat (2006) menyatakan antara ulama yang menyokong pendapat ini ialah, dalam kalangan Mazhab Hanafi al-Shaybani, dalam kalangan Mazhab Maliki al-Hattab dan al-Wansharisi, sebahagian ulama Mazhab Syafie, dalam kalangan Mazhab Hanbali antaranya Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim, dalam kalangan Mazhab Zohori Ibn Hazmin, dalam kalangan Tabiin Laith ibn Sa'ad dan Al-Zuhri, dalam kalangan ulama kontemporari Yusuf al-Qaradawi, Muhammad Taqi Usmani, 'Abd Allah Sulayman al-Mani' dan sebagainya.

Hujah Pandangan Kedua

Dalil golongan yang menyatakan bahawa semua bahan berharga boleh dijadikan sebagai matawang adalah berdasarkan dalil berikut.

i. Fiman Allah SAW dalam Surah Al-Kahfi ayat 19.

Dalam ayat ini terdapat perkataan *wariq*. Menurut Azzabidi (f.th) *wariq* mempunyai beberapa pengertian yang masyhur di sisi orang Arab antaranya wang perak yang telah siap sama ada yang diguna untuk membuat wang atau yang ditempa untuk membuat benda lain seumpama hidung palsu dan sebagainya, perak yang belum dijadikan wang dan juga harta secara umum. Pengertian *wariq* sebagai harta dinyatakan oleh Ibn Arabi. Justeru itu dapat difahami di sini bahawa *warik* mempunyai beberapa makna termasuk dengan makna harta yang mempunyai nilai yang boleh digunakan untuk jual beli termasuk harta yang rendah nilainya. Oleh kerana maknanya pelbagai maka ini menunjukkan kepada kita bahawa matawang juga boleh dibuat atau dijadikan daripada benda-benda lain yang juga dianggap sebagai benda yang berharga dalam masyarakat walaupun nilainya kecil sebagai wang pecah, selain emas dan perak yang lazim digunakan seumpama tembaga, gangsa (*bronze*) iaitu sejenis aloi warna kekuningan campuran antara tembaga dan zink yang digunakan oleh kerajaan Rom dan Farsi sebagai wang pecah.

Pihak yang kedua mengambil makna yang menunjukkan *wariq* itu adalah wang kecil termasuk wang fulus. Dalam peristiwa ini wang tersebut digunakan untuk membeli roti sebagai makanan mereka, dan *warik* tersebut tidak dibuat dari perak tetapi dari bahan yang lain seumpama gangsa atau tembaga. Ini kerana peristiwa Al-Kahfi



berlaku dalam zaman pemerintahan Roman di tempat yang bernama Rokim sebagaimana ayat ke sembilan surah Al-Kahfi. Kerajaan Roman pada ketika itu telah menggunakan wang dari emas, perak, *bronze* dan sebagainya. Justeru itu ini menunjukkan penggunaan wang selain dari emas dan perak juga diakui oleh Al-Quran dan syarak yang dikenali dalam kalangan orang Arab sebagai fulus.

- ii. Sabda Nabi SAW kepada Bilal r.a. untuk membayar hutang beliau kepada Jabir r.a. dan membayarnya dengan lebih. Dalam hadis ini Bilal telah membayar empat dinar dan satu *qirat*.

Qirat ialah wang pecah di zaman Nabi SAW satu *qirat* mengikut Ibn Manzur (t.th) ialah separuh bahagian dari 1/10 bahagian dinar iaitu bersamaan dengan 1/20 dinar mengikut kegunaan kebanyakan negeri atau bersamaan dengan 1/2 dirham mengikut pendapat yang *asah*. Manakala mengikut Al-Zabidi (t.th) *qirat* mengikut *uruf* penduduk Mekah ialah 1/4 dari 1/6 bahagian dinar atau bersamaan dengan 1/24 dinar atau nilainya adalah lebih kecil dari 1/2 dirham.

Qirat juga digunakan untuk berat timbangan. Menurut Ibn Khaldun (1988) dirham farsi yang digunakan di zaman Nabi SAW terbahagi kepada tiga kategori yang berbeza berdasarkan berat dirham tersebut. Pertama satu dirham dengan berat 10 *qirat*, kedua satu dirham dengan berat 12 *qirat*, ketiga satu dirham dengan berat 20 *qirat*. Baginda telah menjadikan satu dinar dengan mengambil kira purata ketiga-tiga berat yang berbeza dan dibahagi kepada tiga bahagian menjadikannya 14 *qirat* bagi satu dirham. ini adalah kiraan dirham mengikut *qirat* berat. *Qirat* ini adalah sama dengan carat yang digunakan pada zaman kita hari ini, sebagai kiraan berat timbangan.

Dalam hadis ini jelas menunjukkan bahawa di zaman Nabi SAW terdapat wang kecil yang dikenali dengan nama *qirat* iaitu yang mempunyai nilai 1/20 dinar atau setengah dirham atau 1/24 dinar yang lebih kecil dari setengah dirham mengikut pendapat yang ke dua sebagaimana *uruf* penduduk Mekah dan Sham pada ketika itu (Manzur t.th, Al-Zabidi t.th). Di zaman Nabi SAW satu dinar nilainya sama dengan sepuluh dirham. Maka ini menunjukkan kepada kita di zaman Nabi SAW terdapat pelbagai jenis wang lain yang juga digunakan selain wang emas dinar dan wang perak dirham. Ini adalah kesan apa yang di ambil oleh orang Arab dari tamadun Rom dan Farsi.

- iii. Wang fulus yang diperbuat dari gangsa (*bronze*) juga digunakan oleh umat Islam di zaman Nabi s.a.w. Dalil penggunaannya adalah seperti berikut:

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Zar adalah amat jelas menceritakan tentang kisah Abu Zar telah menyuruh hamba perempuannya untuk membeli wang fulus dengan tujuan untuk membahagikannya kepada fakir miskin. Ini menunjukkan dengan jelas kepada kita bahawa wang fulus telah digunakan semenjak sebelum zaman Nabi Muhammad SAW dan sebelum sahabat lagi dan berterusan selepas zaman tersebut.

- iv. Dalil seterusnya menunjuk kan penggunaan wang fulus sebagai wang ialah sabda Nabi SAW kepada golongan yang muflis.



Dalam hadis ini Rasulullah SAW menyebut tentang perkataan mufliis. Perkataan mufliis adalah disepakati dalam kalangan ulama adalah diambil dari perkataan fulus. Seseorang dikatakan mufliis apabila dia tidak mempunyai wang untuk berbelanja, jika dahulu dia berbelanja dengan wang dinar atau dirham maka kini dia hanya mampu untuk mendapatkan fulus sahaja itu pun jika dia mampu mendapatkannya. Ini menunjukkan fulus telah digunakan dengan meluas pada zaman Nabi SAW.

- v. Penggunaan fulus adalah meluas di zaman sahabat, ini menunjukkan ianya adalah tidak dilarang sehingga di zaman Khalifah Abdul Malik Bin Marwan juga meneruskan tradisi penggunaannya.

Pada zaman ini sebahagian sahabat masih hidup, beliau juga mengeluarkan wang fulus *bronze* dengan ciri-ciri Islam yang pertama mengikut acuan Rom dan Sasan sebagai wang pecah selain daripada wang emas dan perak.

- vi. Penggunaan fulus sebagai matawang telah wujud sebelum Nabi SAW dan baginda tidak pernah menolak penggunaannya dalam mana-mana hadis baginda. Ini menunjukkan penggunaan fulus adalah satu sunnah yang diakui oleh Nabi SAW.
- vii. Penggunaan wang selain dari emas dan perak juga pernah di suarakan oleh Sayidina Umar r.a untuk mengambil kulit unta sebagai wang. Ini menunjukkan syarak tidak menghalang sesuatu yang dianggap berharga dan mempunyai nilai intrinsik pada benda tersebut untuk dijadikan sebagai wang.
- viii. Penggunaan wang adalah berdasarkan maslahat fikah *muamalah*, ini dapat kita lihat bagaimana khalifah yang awal tidak mengeluarkan wang Islam yang sendiri walaupun terdapat emas dan perak ketika itu di negara umat Islam sehinggalah zaman Khalifah Abd Malik bin Marwan yang mengeluarkan wang Islam yang pertama secara rasmi dengan beratnya yang tersendiri. Ini menunjukkan penggunaan wang adalah mengikut maslahat ummah. Justeru tiada halangan untuk umat Islam menggunakan wang yang lain selain emas dan perak berdasarkan keperluan.
- ix. Penggunaan wang adalah dilihat dari segi kemampuannya untuk membuat pertukaran dengan barang lain dan menyimpan nilai. Perkara ini tidak hanya terhad kepada emas dan perak, justeru penggunaan wang dari logam yang lain juga boleh memenuhi matlamat ini termasuk penggunaan fulus.
- x. Syariah bertujuan untuk memudahkan manusia sesuai dengan prinsip Islam berdasarkan hadis Nabi SAW "Permudahkanlah dan jangan kamu menyusahkan". Sekiranya wang hanya terhad kepada emas dan perak maka ini akan menyusahkan dalam memenuhi kehendak umat yang sentiasa berkembang.



- xi. *Illah thamaniah* yang digunakan pada emas dan perak sebagai matawang bukan hanya terhad kepada penggunaan keduanya sahaja, bahkan boleh juga digunakan pada yang lain.
- xii. Kaedah fikah menyatakan asal sesuatu perkara dalam muamalat adalah diharuskan selama mana tidak ada larangan padanya. Justeru itu selama mana tiada pengharaman menggunakan syiling fulus maka ianya adalah diharuskan.

Daripada hujah-hujah di atas adalah amat jelas bahawa penggunaan wang selain dari emas dan perak adalah dibenarkan oleh Islam selama mana matawang tersebut mempunyai nilai intrinsik yang diakui dan diterima oleh masyarakat, lebih-lebih lagi jika ianya dikuatkuasakan oleh kerajaan yang memerintah.

PENDAPAT KETIGA MENGHARUSKAN MATAWANG DARIPADA EMAS, PERAK DAN JUGA DARIPADA KERTAS ATAU PLASTIK MENGIKUT PEMERINTAH

Hujah pendapat ketiga yang mengharuskan penggunaan wang dari emas, perak, logam dan juga bukan logam khususnya tentang penggunaan wang fiat yang terdiri dari ulama moden pada hari ini. Perkara berkaitan dengan penggunaan wang kertas adalah tidak wujud di zaman Nabi SAW dan juga tidak wujud di zaman ulama selepas itu sehinggalah di zaman yang terkemudian ini. Pendapat ini adalah pendapat ulama di zaman kini dan ianya juga keputusan *Majmak Al-Fiqhi Al-Islami* dalam persidangan kali kelima dan keenam. Antara ulama yang menandatangani keputusan tersebut ialah Abdullah Bin Hamid, Muhammad Ali Al-Harakan, Abdul Aziz Bin Abdullah Bin Baz, Soleh Bin Utamin, Muhammad Mahmud As-Sowaf, Muhammad Bin Abdullah As-Sabil, Mabruk Al-Ewadi, Muhammad As-Shazili, Mustafa Ahmad Zarqa, Abdul Quddus Al-Hashimi, Muhammad Rashidi, Abu Hassan Ali Al-Hasani An-Nadwi, Abu Bakar Mahmud Al-Jumi, Hasanain Muhammad Makhluaf, Muhammad Rashed Qabbani, Mahmus Shet Khattab dan Muhammad Salim Adud.

Hujah Pandangan Ketiga

Mereka berhujah dengan dalil berikut:

- i. Pemerintah adalah bayangan Allah SWT di bumi. Oleh itu pemerintah boleh memutuskan penggunaan wang fiat dalam negaranya. Sebagaimana Khalifah Marwan membuat wang baru untuk umat Islam maka diharuskan membuat wang kertas yang baru berdasarkan masalah.
- ii. Penggunaan wang fiat adalah berdasarkan masalah maka ianya adalah di bolehkan.
- iii. Penggunaannya adalah berdasarkan *uruf* pada hari ini.
- iv. Rasulullah SAW tidak pernah melarang penggunaan wang kertas dalam hadis baginda, justeru pada asasnya adalah diharuskan.



- v. Sayidina Umar r.a bercadang untuk mengambil kulit unta sebagai dirham. Ini menunjukkan matawang boleh diambil dan digunakan dari pelbagai sumber.
- vi. Ketika Sayidina Umar r.a mengutarakan cadangannya itu ianya tidak dibantah oleh para sahabat yang lain. Ini menunjukkan ianya boleh dilakukan dan para sahabat menyetujuinya. Apa yang disuarakan ialah kebimbangan tentang kulit unta yang tidak mencukupi.
- vii. Umat Islam di Sham pernah menggunakan Dinar *Al-Maghsus* yang mempunyai nilai yang lebih rendah dari nilai hakiki dan ianya diterima umum.
- viii. Sebagaimana matawang boleh dibuat dari sumber yang lain selain dari emas dan perak, maka begitulah juga ianya boleh digunakan daripada sumber kertas atau plastik.
- ix. Perkembangan semasa yang begitu pesat menjadikan emas dan perak tidak memadai untuk dijadikan matawang.
- x. Penggunaan wang fiat adalah satu darurat yang terpaksa digunakan bersesuaian dengan perkembangan manusia di zaman ini.
- xi. Wang kertas dari segi qiasnya adalah sama dengan wang emas dan perak kerana kedua-duanya adalah bernilai pada *thamaniahnya*.
- xii. Penggunaan wang kertas tidak menjadi penghalang kepada amalan agama yang lain seumpama zakat dan sebagainya. Oleh kerana kewajipan zakat tidak dapat disempurnakan melainkan dengannya, maka penggunaan wang fiat adalah menjadi satu perkara wajib yang *nisbi*.
- xiii. Selama mana tidak ada larangan syarak dalam muamalat maka kaedah *usul fiqh* menyatakan ianya adalah diharuskan.
- xiv. Ianya telah digunakan oleh Khalifah Islam yang terakhir bersama dengan penggunaan wang dinar dan dirham.
- xv. Ijmak *sukuti* dalam kalangan ulama semasa ianya adalah di bolehkan semenjak beberapa ratus tahun yang lalu.
- xvi. Ijmak Majlis Fatwa di bawah OIC yang mewakili pandangan jumur ulama semasa pada hari ini dalam dunia Islam mengharuskan penggunaannya.
- xvii. Kesemua hujah-hujah di atas menunjukkan dengan jelas bahawa penggunaan wang kertas sebagai matawang adalah tidak dilarang di sisi syarak.

ANALISIS KRITIKAL TERHADAP TIGA PANDANGAN

Pendapat yang terpilih antara tiga pendapat di atas adalah bercampur-campur, tidak ada satu pendapat yang boleh diterima secara *mutlaq*. Dari segi dalil dan hujah kita akan dapati bahawa hujah golongan pertama dan kedua adalah mempunyai hujah dan sandaran yang paling kuat berbanding dengan hujah golongan yang ketiga. Hujah golongan pertama dan kedua bersandarkan kepada nas Al-Quran dan hadis yang jelas, manakala hujah golongan ketiga yang menggunakan qias dan *illah thamaniyyah* adalah lemah dari segi sandaran hukumnya bahkan pandangan golongan ketiga terlalu banyak bercanggah dengan nas syarak. Oleh itu terdapat ulama yang menolak terus pendapat ini.

Penggunaan wang fiat juga bercanggah dengan contoh yang ada dalam sejarah Islam di zaman Khalifah Abd Malik bin Marwan yang jelas menyatakan pengharamannya. Kita juga dapat melihat bagaimana selama lebih dari seribu tahun umat Islam tidak menggunakan resit hutang dan tidak menggunakan matawang kertas semenjak dari zaman Nabi SAW Walaupun tamadun lain di dunia telah menggunakannya secara terkawal semenjak awal khususnya tamadun China yang menggunakannya pada tahun 650 Masihi.

Adapun pendapat yang pertama yang menyatakan bahawa hanya emas dan perak sahaja dianggap sebagai dinar syarie dan segala hukum syariah terikat dengan kedua matawang itu juga mempunyai masalah. Pandangan jumhur ini adalah dikemukakan oleh para ulama yang hidup beberapa ratus tahun yang lampau dan ada yang hidup lebih dari seribu tahun yang lampau seperti para sahabat dan Imam mazhab yang awal. Di zaman mereka apa yang mereka nyatakan dalam fatwa-fatwa mereka adalah benar berdasarkan *uruf* dan suasana yang ada pada mereka. Lebih-lebih lagi nas syarak adalah amat jelas menyokong penggunaan emas dan perak sebagaimana yang mereka nyatakan.

Pendapat mereka adalah benar mengikut nas tanpa sebarang keraguan. Tetapi pendapat ini tidak boleh diterima dan diterapkan pada masyarakat kita hari ini keseluruhannya sebagaimana mereka melakukannya satu ketika dahulu. Terdapat banyak contoh di mana ijtihad ulama yang datang kemudian adalah bercanggah dengan nas yang jelas kerana terdapat sebab hukum yang berbeza contohnya hadis Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَحْيَا أَرْضًا مَيْتَةً فَهِيَ لَهُ وَمَا أَكَلَتْ الْعَافِيَةُ مِنْهُ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ

Maksudnya:

Sesiapa yang menghidupkan tanah yang mati maka tanah itu adalah miliknya, dan apa yang dimakan oleh yang hidup sesuatu darinya maka bagi pemilik itu adalah sedekah.

Walaupun hadis ini adalah jelas tentang pemilikan tanah bagi yang menghidupkannya dan itulah yang difatwakan oleh jumhur ulama yang terdahulu tetapi Abu Hanifah dan Imam Malik dalam fatwanya menyatakan sebaliknya iaitu

sesuatu yang bercanggah dengan zahir hadis dan menyatakan walaupun tanah itu dibuka oleh seseorang dia tidak boleh memilikinya bahkan pemilikannya akan bergantung kepada pemerintah (al-Zuhaili, 1984). Sebab (*illah*) bagi fatwa ini ialah Nabi SAW bersabda sesuai dengan keadaan baginda yang tinggal di Madinah sebuah negeri padang pasir, maka sesiapa yang bersungguh menghidupkan tanah sehingga menjadi subur maka tanah itu adalah miliknya, apatah lagi jumlah penduduk ketika itu adalah sedikit. Manakala Imam Abu Hanifah tinggal di Bagdad sebuah negeri yang subur dan diairi oleh sungai Furat, Dajlah dan saluran yang banyak, maka tanah dapat diusahakan dengan mudah, apatah lagi pada ketika itu manusia telah ramai sebagaimana keadaan di zaman Imam Malik maka jika dibiarkan perkara ini tanpa kawalan maka sudah tentu ianya akan menimbulkan kerosakan yang banyak dalam kalangan masyarakat.

Pada hari ini masyarakat dunia termasuk umat Islam tidak lagi menjadikan syiling emas dan syiling perak sebagai medium pertukaran, pembelian, penjualan dan penyimpanan nilai. Bahkan seluruh dunia telah menggunakan wang fiat sebagai matawang asasi di zaman ini. Jika sekiranya hukum fikah diambil secara total tanpa sebarang perubahan maka banyak implikasi hukum yang akan berlaku. Apabila riba hanya dikaitkan dengan emas dan perak sahaja maka ini bererti tidak wujud riba dalam sistem perbankan hari ini yang berteraskan kepada penggunaan wang kertas dan wang plastik. Dengan kata lain sistem perbankan dan muamalat hari ini adalah muamalat yang halal secara mutlak termasuk sistem perbankan konvensional dan kontemporari. Begitu juga tidak ada zakat pada wang kertas walaupun ianya berjumlah berpuluh-puluh juta ringgit.

Jika kita berpegang dengan pendapat di atas maka kita telah jauh menyimpang dari *maqasid* nas Al-Quran dan hadis Nabi SAW. Oleh itu berpegang secara mutlak kepada pendapat yang pertama juga adalah tidak menepati dari segi hakikat kehidupan manusia hari ini. Walaupun mereka mendakwa ianya adalah menepati kehendak syarak 100%. Sesungguhnya terdapat hadis Nabi SAW yang mengisyaratkan apa yang akan dilalui oleh umat Islam di akhir zaman dan keadaan muamalat yang terpaksa mereka lalui. Sesungguhnya baginda amat mengetahuinya dan telah memberitahu kita dalam banyak hadis antaranya baginda bersabda:

ليأتين على الناس زمان لا يبقى منهم أحد إلا آكل الربا، فإن لم يأكله أصابه من غباره

Maksudnya:

Pasti akan tiba kepada manusia satu zaman tidak terkecuali seorang pun dari mereka melainkan semuanya adalah pemakan riba, jika dia tidak memakannya maka akan mengenyainya debu-debu riba.

(Al-Mustadrok Ala Al-Sohihain, Kitab Al-Buyu' No 882)

Hadis ini adalah jelas ditunjukkan kepada kita umat akhir zaman. Kita pada hari ini hidup di zaman yang mana tidak ada seorang pun yang tidak terlibat dengan riba yang disifatkan oleh Nabi SAW sebagai pemakan riba. Ini kerana kita semua melakukan muamalah menggunakan wang kertas. Dan wang kertas tersebut adalah terikat

dengan *Base Lending Rate* (BLR) yang dikeluarkan oleh seluruh bank pusat di dunia ini. BLR adalah termasuk dalam riba tanpa keraguan. Tujuannya adalah untuk membendung inflasi. Jika kita menyatakan kita tidak melakukan riba tersebut maka kita tetap menerima tempiasnya yang disifatkan oleh Nabi SAW sebagai debu-debu riba. Alangkah benarnya sabda Nabi SAW tersebut. Kita sekarang sedang hidup di zaman fitnah. Zaman di mana perkara maksiat dianggap sebagai makruf dan perkara makruf dianggap tidak elok.

Jika kita menerima pentafsiran pandangan pertama secara total maka kita akan menganggap semua muamalah manusia hari ini termasuk umat Islam adalah amalan yang 100% bebas riba walaupun mereka menggunakan bank konvensional, kerana mereka tidak menggunakan wang emas dan perak sebagai matawang fizikal mereka. Tafsiran ini adalah tidak tepat bahkan bercanggah juga dengan hadis Nabi SAW yang menyatakan sebaik-baik kurun adalah kurunnya, dan diikuti oleh kurun-kurun yang lain selepas itu. Begitu juga pandangan kedua juga menghadapi masalah yang sama, yang hanya meletakkan matawang terhad kepada emas, perak, tembaga, gangsa dan lain-lain logam fizikal sahaja. Ini bererti hanya wang syiling terlibat dengan riba kerana hanya wang syiling kecil yang dibuat daripada logam manakala wang kertas yang mempunyai nilai yang tinggi adalah bebas riba. Kedua-dua pendapat ini mempunyai kelemahannya yang tersendiri dan ianya adalah jauh menyimpang dari kesan riba kepada umat akhir zaman dan kurun yang terbaik mengikut susunannya sebagaimana di dalam hadis di atas. Selain dari itu dalam ayat berkaitan riba, Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 278 dan 279 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkan lah, jangan menuntut saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.

(Al-Baqarah, 2: 278-279)

Dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan umat Islam meninggalkan amalan riba yang diharamkan. Selain itu Allah SWT juga menyatakan bahawa bagi kamu adalah bahagian hartamu yang asal dan dengan cara ini kamu tidak menzalimi orang lain dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa pun. Allah SWT menyebut lafaz yang umum berkaitan dengan riba iaitu menggunakan perkataan *amwal* yang merujuk kepada harta. *Amwal* atau harta tersebut adalah tidak hanya dikhususkan kepada dinar dan dirham sahaja. Bahkan harta adalah umum maka semua perkara boleh terlibat dengan riba termasuk juga matawang kertas yang digunakan sebagai ganti emas dan perak dalam muamalah seharian.



Ini kerana wang fiat yang kita gunakan pada hari ini adalah dianggap sebagai harta. Ianya digunakan dalam muamalat secara meluas dan mengambil tempat bagi matawang emas dan perak secara 100%. Justeru itu, selama mana manusia menganggapnya sebagai *amwal* khususnya di dalam amalan mereka yang melibatkan riba ketika berjual beli, berhutang, menuntut hutang, menjelaskan hutang, membayar zakat, menunaikan haji dan sebagainya. Justeru itu, jelas kepada kita bahawa wang fiat adalah *amwal* yang berlaku padanya hukum *ribawi* sebagaimana nas *amwal* yang umum dalam Al-Quran. Sekalipun wang fiat tidak termasuk dalam enam item *ribawi* yang dinyatakan oleh hadis Nabi SAW tetapi kedudukannya adalah jelas bahawa ianya adalah item *ribawi* berdasarkan fungsinya yang jelas dan kesannya kepada hukum fikah mengikut kaedah qias.

Qias adalah satu *instrument* penting dalam syariat yang diajarkan oleh Allah SWT dan RasulNya kepada umat Islam. Menerusi kaedah yang agung ini menjadikan hukum Islam sebagai satu syariat yang sempurna dan berkembang maju. Tanpa penggunaan kaedah ini maka syariah akan menjadi satu hukum yang beku, rigid dan tidak berkembang. Contoh qias dalam al-Quran ialah firman Allah SWT dalam surah Al-Isra' ayat 23 yang bermaksud:

Dan tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan-santun).

(Al-Isra', 17: 23)

Daripada ayat di atas umat Islam diperintahkan oleh Allah SWT supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan tidak berkata kasar kepada mereka dengan berkata "uff" dan menengking menyergah mereka. Maka dari ayat inilah maka diqiaskan agar kita umat Islam tidak menyakiti ibu bapa dengan memukul, menyepak atau mencederakan mereka. Ianya adalah termasuk dalam qias *aula*. Ini kerana jika kesalahan yang kecil kita dilarang dari melakukannya kepada mereka seumpama menyebut perkataan *uff* maka apatah lagi kesalahan yang lebih besar seumpama mencederakan mereka.

Maka mengikut kaedah qias inilah kita akan dapati semua urusan yang suatu ketika dahulu dibuat oleh matawang emas dan perak telah diganti dengan satu bentuk matawang yang baru iaitu matawang fiat. Justeru itu, kita boleh nyatakan bahawa melalui kaedah qias *aula* atau *musawi* maka matawang kertas adalah sama kedudukannya dengan matawang emas dan perak yang digunakan oleh umat Islam satu ketika dahulu di zaman Nabi SAW.

Selain itu jika kita berkeras dengan menyatakan bahawa hanya dinar dan dirham sahaja sebagai matawang syarie dan tidak sah serta haram bermuamalah menggunakan selain dari dua matawang tersebut berdasarkan nas syarak yang sahih, maka pada ketika ini kita akan menyatakan bahawa muamalah yang pernah dilakukan oleh *solafus* soleh yang awal juga haram, sebab selain mereka menggunakan wang dinar dan dirham mereka juga menggunakan wang fulus yang banyak berlegar dalam kalangan mereka pada ketika itu. Justeru itu menghadkan penggunaan matawang syarie hanya kepada emas dan perak sahaja adalah tidak benar dengan menolak qias.

Penolakan terhadap penggunaan matawang kertas sebagai matawang sebenar meninggalkan kesan hukum yang besar di dalam pengamalan Islam hari ini sebagaimana pandangan asal ulama terutama ulama terdahulu seperti:

- i. Tidak berlaku riba pada pinjaman wang fiat secara mutlak walaupun dikenakan *interest* yang tinggi dan tidak ada azab kepada mereka di akhirat. Kesan ini adalah sangat nyata di mana riba adalah satu perkara haram yang sangat besar dalam Islam. Justeru itu, riba dianggap sebagai satu dosa besar sehingga Allah SWT menyatakan perang kepada golongan yang melakukan amalan riba itu.
- ii. Tidak sah pembayaran *kaffarah* menggunakan wang fiat. Ini adalah satu isu berkaitan dengan ibadah. Memandangkan ibadah perlu dilakukan dengan cara yang sah mengikut sebagaimana cara sah yang diajarkan oleh Nabi SAW, maka *instrument* untuk pembayaran *kaffarah* adalah memerlukan kepada penggunaan matawang yang sebenar menurut fiqh Islam. Penggunaan wang fiat adalah jauh tersasar dari kehendak syarak yang sebenarnya.
- iii. Tidak sah mengeluarkan zakat dengan wang fiat. Fiat dan zakat adalah sangat jelas. Di dalam hadis Nabi SAW menyatakan:

ليس عليك شيء - يعني في الذهب - حتى يكون لك عشرون ديناراً , فإذا كان لك
عشرون ديناراً وحال عليها الحول ففيها نصف دينار , فما زاد فبحساب ذلك

Maksudnya:

Nabi s.a.w. bersabda tidak ada sesuatu yang dikenakan kepada kamu iaitu berkaitan emas, sehingga kamu memiliki 20 dinar, apabila kamu telah memiliki 20 dinar dan telah bertalu bagi kamu setahun maka kamu dikenakan zakat dengan separuh dinar, dan apa yang lebih adalah mengikut kadar yang sama.

(Sunan Abu Daud, Kitab: Al-Zakah, No 1572)

Dari hadis di atas adalah jelas tentang kewajipan mengeluarkan zakat simpanan adalah pada emas. Bahkan Nabi SAW menyatakan dengan jelas tiada kewajipan zakat dalam simpanan kecuali emas.

- iv. Tidak terdapat zakat pada penyimpanan wang fiat walaupun jumlahnya melebihi jutaan ringgit walaupun seberapa lama. Jelas bahawa kertas wang fiat adalah bukan emas justeru ianya adalah tidak dikenakan zakat sebagaimana hadis di atas.
- v. Tidak sah muamalah dalam kalangan umat Islam seperti pembelian dan penjualan sebab tidak menggunakan wang syarie. Ini kerana muamalat adalah termasuk jenis ibadah maka muamalat Islam mestilah menepati kehendak Islam dengan menggunakan cara yang digunakan oleh Nabi SAW.
- vi. Tidak sah pembayaran *diat* dan penerimaan *diat* menggunakan wang fiat. Dalam isu *diat* adalah lebih jelas di mana *diat* dibayar dengan 100 ekor unta atau mengikut nilai emas semasa dengan jumlah yang sama. Justeru pembayaran *diat* yang merupakan urusan muamalat Islam adalah tidak dapat dilakukan dengan menggunakan wang fiat.

Apa yang disebut oleh Nabi SAW pada zamannya dengan menyebut dinar dan dirham dalam muamalah tidak menunjukkan penggunaan matawang selain keduanya adalah diharamkan, inilah pendapat jumhur ulama kini. Ini kerana dinar dan dirham adalah dua matawang lazim yang bernilai digunakan pada zaman itu. Contoh seumpama ini ialah hadis kelebihan membaca Surah Al-Kahfi di malam Jumaat. Hadis ini tidak menunjukkan pengharaman untuk membaca surah yang lain pada malam tersebut seperti surah Yasin dan sebagainya. Begitu juga Nabi SAW tidak menyebut penggunaan fulus yang digunakan sebagai wang pecah. Ini tidak bererti wang fulus yang digunakan oleh para sahabat adalah haram digunakan, di sini terletaknya kesilapan pendapat yang pertama. Jika ianya haram maka sudah tentu sahabat tidak menggunakannya. Begitu juga pemerintah Islam selepasnya tidak akan mengeluarkan wang fulus tersebut.

Penggunaan wang kertas telah diamalkan oleh tamadun yang lain di awal Islam khususnya China pada 650 Masihi. Justeru ketiadaan hadis Nabi SAW yang mengharamkannya menunjukkan ianya adalah diharuskan dari segi penggunaannya. Jika ianya adalah satu pengharaman yang mutlak maka sudah tentu syarak akan melarangnya walaupun ianya bukan berasal dari tempat kelahiran Rasulullah SAW seumpama pengharaman babi. Babi bukannya haiwan yang berhabitat di gurun seperti Mekah dan Madinah, namun syariah telah mengharamkannya. Justeru itulah pengharaman babi tidak menimbulkan sebarang isu dalam kalangan sahabat berbeza ketika pengharaman arak sehingga para sahabat memecah balang arak milik mereka, kerana babi adalah asing dalam kehidupan mereka. Ini juga menunjukkan Islam adalah agama yang universal dan Islam mempunyai pertalian dengan pengharamannya di sisi agama samawi yang awal yang juga mengharamkannya dengan wahyu iaitu Yahudi dan Nasrani.

Ulama yang ramai telah bersepakat mengharuskan penggunaan wang fiat yang bersidang di Mekah dalam Persekutuan (*Majma'*) Fikah Islam Sedunia di bawah OIC dan mereka bersepakat bahawa wang fiat adalah hukumnya sama dengan



penggunaan wang emas dan perak serta mempunyai implikasi hukum yang sama berkaitan dengan hukum hakam yang berkaitan dengan syariah. Oleh kerana ianya disepakati oleh jumlah ulama yang ramai maka ianya adalah pandangan yang paling utama di zaman ini dan ianya adalah pandangan yang terpilih serta menolak pandangan ulama yang menolak penggunaannya sebagai syaz.

Ijmak *sukuti* dalam kalangan umat Islam menunjukkan mereka mengharuskan penggunaan wang fiat ini dengan pengamalan mereka menggunakannya dalam muamalah seharian. Jika sekiranya penggunaannya adalah di haram secara mutlak di sisi syarak maka sikap mereka yang terus menggunakan wang fiat tersebut adalah haram dan tidak diizinkan. Ini sekali lagi menunjukkan ijmak *sukuti* membenarkan penggunaannya. Penggunaan wang fiat ini bukan sekadar terbatas kepada masyarakat awam yang biasa tetapi juga digunakan oleh golongan yang menyatakan penggunaannya adalah haram.

Ijmak dalam kalangan umat Islam sama ada secara bertulis atau *sukuti* adalah satu perkara yang mustahil terlibat dengan kebatilan, antara sabda baginda Nabi SAW:

إن الله لا يجمع أمتي أو قال أمة محمد صلى الله عليه و سلم على ضلالة ويد الله مع الجماعة ومن شذ شذ إلى النار

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah SWT tidak menghimpun umatku atau berkata umat Muhammad SAW di atas kesesatan. Sesungguhnya tangan Allah bersama dengan Jemaah dan sesiapa yang mengikut pendapat yang syaz (ganjil iaitu bertentangan dengan pendapat ulama/ummah yang ramai) maka dia akan dihumban ke dalam neraka.

(As-Syayuti, Al-Jamik As-Soghir: No 1818)

Dalam hadis ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa perkara yang disepakati oleh umat Islam khususnya dalam kalangan ulama yang ikhlas yang mengikut, taat dan patuh kepada Allah SWT dan Rasulnya adalah tidak termasuk dalam kesesatan kerana Allah SWT memelihara mereka dari perkara yang sedemikian itu. Tafsir Jemaah di dalam hadis tersebut di sisi ahli ilmu ialah ahli fikah, ahli ilmu dan ahli hadis.

Apabila kita memahami bahawa perkara ini termasuk dalam khilaf di sisi ulama maka penentuan yang muktamad untuk pengesahannya adalah terletak di tangan pemerintah yang memegang masalah untuk rakyatnya. Sesuai dengan kaedah fikah *hukmul Qadhi yaktou khilaf* iaitu hukum yang ditetapkan oleh pemerintah mengetepikan khilaf oleh para ulama, lebih-lebih lagi perkara ini berkaitan dengan keperluan masyarakat. Oleh itu apabila pemerintah memilih pendapat membenarkan penggunaan wang fiat sebagai ganti wang dinar dan dirham maka ianya adalah pendapat yang muktamad. Lebih-lebih lagi apabila penggunaannya dikawal oleh undang-undang yang berkuat kuasa di negara tersebut. Justeru itulah khalifah umat Islam yang terakhir iaitu Khalifah Uthmaniyyah telah menggunakan wang kertas sebelum kejatuhannya, begitu juga pada hari ini 100% negara umat Islam telah



menggunakan wang fiat sebagai satu *instrument* penting dalam ekonomi mereka. Keputusan pemerintah ini adalah diakui oleh Islam.

Setelah dibentang pandangan-pandangan yang berbeza dan perbincangan mengenainya maka kita akan dapati tidak ada satu pun dari semua antara tiga pendapat di atas yang boleh diterima secara 100%. Oleh itu pendapat yang terpilih adalah gabungan antara semua pendapat-pendapat tersebut. Oleh itu pendapat yang terpilih adalah seperti berikut:

- i. Pemerintah wajib berusaha untuk mengubah matawang kepada logam berharga terutamanya emas dan perak serta mengurangkan kebergantungan kepada matawang fiat sesuai dengan hadis yang telah dikemukakan.
- ii. Matawang emas adalah yang terbaik dalam penyimpanan nilai dan tidak boleh dimanipulasi dengan mudah manakala perak telah jatuh harganya dengan teruk pada hari ini.
- iii. Matawang fiat adalah dianggap sebagai matawang yang sebenar dan berlaku padanya kesan hukum matawang yang sebenar berdasarkan apa yang diamalkan pada hari ini sama ada dalam muamalat dan ibadat Islam yang lain seperti zakat, bayar *kaffarah* dan sebagainya adalah sah.
- iv. Penggunaan matawang fiat adalah kerana darurat dan masalah yang ada serta dianggap sebagai barangan yang mempunyai *thamaniyyah*. Justeru penggunaannya hendaklah dihadkan mengikut keperluannya *addaruratu tuqaddaru bi qadariha*. Darurat itu diamalkan mengikut kadarnya.
- v. Penggunaan wang fiat perlu diambil kira niat dalam muamalah yang dilakukan, mempunyai *dawabit* syarak dan menepati *illah* hukum yang dilaksanakan. Contohnya perbankan Islam mestilah lebih baik atau setidaknya setaraf dengan dengan perbankan konvensional yang berasaskan riba. Ini kerana *illah* pengharaman riba adalah untuk mengelak kezaliman justeru matlamat perbankan Islam perlu memenuhi tanggungjawab ini.

Matawang fiat pada asasnya adalah komoditi kerana ianya diapungkan secara sukarela oleh negara terbabit di pasaran antarabangsa. Tetapi dalam masa yang sama matawang ini mempunyai sifat sama seperti matawang emas dan perak. Oleh kerana ianya diapungkan di pasaran antarabangsa untuk jual beli sebagaimana peraturan *International Monetary Fund* (IMF) maka penjualan dan pembelian wang ini akan berlaku secara berterusan, maka di sini matawang fiat boleh dimanipulasikan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Sesebuah negara juga berhak menggantung perdagangan matawangnya dengan mengikatnya kepada matawang negara lain, ianya tidak dipaksa sebagaimana yang dilakukan oleh Malaysia ketika krisis 1998. Langkah ini juga adalah mengikut langkah negara lain sebelumnya seperti China yang mengikat kepada dollar USA. Hakikat menunjukkan



hanya 5% sahaja wang fizikal yang digunakan pada hari ini manakala selebihnya adalah wang dalam talian.

Walau bagaimana pun kerajaan mesti mengawal kedudukannya supaya tidak berlaku inflasi yang membebankan rakyat. Ini kerana matawang fiat adalah atas penguatkuasaan kerajaan dan pada hakikatnya tidak mempunyai sandaran yang mencukupi. Justeru itu mengimbangi antara pendapat pertama, kedua dan ketiga adalah penting. Walaupun matawang fiat adalah dianggap sebagai matawang sebenar tetapi hakikatnya ianya adalah berbeza khasnya dari segi ijhtihad penggunaannya. Maka dalam apa keadaan sekalipun kita tidak boleh menolak pendapat yang pertama khususnya dan juga pendapat kedua yang amat jelas dalilnya dari segi syarak dan tidak dapat dinafikan kekuatan hujahnya itu serta sandaran syaraknya. Manakala pendapat ketiga adalah paling lemah bahkan ianya adalah sesuatu yang secara mutlaknya adalah haram berdasarkan nas yang dikemukakan. Walau bagaimanapun *maslahah dan uruf* untuk ummah ini menjadikan penggunaannya sebagai satu kewajipan yang terpaksa diterima, dan inilah hakikatnya untuk kita dewasa ini. Oleh kerana itulah ulama yang ramai mengeluarkan fatwa mengharuskan penggunaan wang kertas dan menyamakan kedudukannya dengan dinar dan dirham serta sah dijadikan amalan dalam muamalah dan ibadat seorang Muslim.

RUJUKAN

- Ahamed Kameel Mydin Meera. 2002. *The Islamic Gold Dinar*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.
- Ahamed Kameel Mydin Meera. 2003. *The Theft of Nation: Returning to Gold*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Solahuddin. 1414H. *Daqaik Uli al-Nuha li Syarhi al-Muntaha al-Makruf Bi Syarhi Muntaha al-Iradat*. Riyad: Dar ^cAlimu al-Kitab.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Solahuddin. t.th. *Kasafu al-Qina' 'An Matni al-Iqna'*. Beyrut. Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- Al-Bujairimi, Sulaiman Bin Muhammad. 1417 H. *al-Bujairimi 'Ala al-Khatib*. Beyrut. Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- Al-Dasuki, Shamsuddin Muhammad. t.th. *Hasyiah al-Dasuki 'Ala-Sharhi al-Kabir*. t.tpt. Dar lhya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Hosien, Imran. N. 2008. *Dinar Emas dan Dirham Perak: Islam dan Masa Depan Wang*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin bin Umar Abidin. 1423H. *Rad al-Mukhtar 'Ala Durri al-Mukhtar Sharhu Tanwirul al-Absar*. Riyad: Dar Alimu al-Kitab.



- Ibn Kathir, Ismail Bin Umar Bin Kathir. 1419H. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Maudud al-Mausuli, Abdullah bin Mahmud bin Maudud. 1356H. *Al-Ikhtiyar li Takmil al-Mukhtar*. Cairo: Matba'ah al-Halabi.
- Ibn Najim, Zainuddin bin Ibrahim bin Muhammad. t.th. *Al-Bahru al-Raik Sharhu Kanzu al-Daqaik*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah. Abdullah bin Muhammad bin Ahmad. 1388H. *Al-Mughni Ibn Qudamah*. Egypt: Maktabah al-Qahirah.
- Ibn Qudamah. Abdullah bin Muhammad bin Ahmad. 1414H. *Al-Kafi Fi Fiqhi al-Imam Ahmad*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Rushd al-Hafid, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. 1425H. *Bidayatul al-Mujtahid Wa Nihayatul al-Muqtasid*. Egypt: Dar al-Hadis.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad Bin Abdul Halim Bin Abdul Salam Bin Taimiyyah. 1987M/1408H. *Al-Fatawa al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Imam Malik, Malik bin Anas bin Malik. 1415H. *al-Mudawwanah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Karmani, Muhammad Bin Yusuf Bin Ali. 1401H. *Kawakib al-Dirori Fi Sharhi Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya al-Thuras al-'Arabiyyah.
- Al-Kasani, Abu Bakar bin Masud bin Ahmad. 1406H. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khatib al-Syarbini. Shamsudin Muhammad Bin Ahmad. t.th. *Al-Iqna' Fi Halli Alfaz Abi Shujak*. Beirut: Dar al-Fikir.
- Al-Maqrizi, Taqi al-Din Ahmad. 1957. *Al-Ighathah al-Ummah bi Kashfi al-Ghummah*, Kaherah: Matba'ah Li al-Jannah.
- Al-Mawardi, Ali bin Muhammad bin Habib. 1414H. *al-Hawi al-Kabir*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Yahya Bin Sharaf .1347H. *Sahih Muslim Bi Syarhi al-Nawawi*. Egypt: al-Matba'ah al-Misriyyah Bil al-Azhar.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Hanifah Abdul Hamid dan Bakhtiar al-Razi. 2004. *The Mechanisme of Gold Dinar*. Kuala Lumpur: A.S Noorden.
- Al-Qastolani, Shihabuddin Ahmad Ibn Muhammad al-Khatib. 1323H. *Irshad al-Sari Ila Sharhi Sahih al-Bukhari*. Cairo: al-Taba'h al-Amiriyyah al-Kubra.



- Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad Bin Abu Bakar. 1437H. *Al-Jamik Li Ahkam al-Quran*. Beyrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ramli, Muhammad bin Ahmad bin Hamzah. 1404H. *Nihayatul Muhtaj Ila Sharhi al-Minhaj*. Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Samarqandi, 'Alauddin. 1405 H. *Tuhfatu al-Fuqaha'*. Beyrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sarkhashi, Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahal. 1414H. *Al-Mabsut Li Al-Sarkhashi*, Beyrut: Dar al-Makrifah.
- Al-Sayuti, Abdul Rahmān Bin Abu Bakar. 1416H. *Al-Dibaj 'Ala Sahih Muslim Bin al-Hajjaj*. Saudi: Dar Ibn Affan Lil al-Nashri Wa al-Tauzi.
- Al-Sayuti, Jalaluddin Abdul Rahman Bin Abu Bakar. 1419H. *Al-Tausheh Sharhu al-Jami' al-Sohih*. Saudi: Maktabah al-Rashid Lil al-Nashri Wa al-Tauzi.
- Al-Shafie, Muhammad bin Idris. 1422H. *Al-Umm*. Egypt: Dar al-Wafa' Lil al-Tiba'ah Wa al-Nashri Wa al-Tauzi .
- Al-Sufi, Shaykh Abdalqadir. 1996. *The Return of The Khalifate*. Capetown, South Africa: Madinah Press.
- Al-Tobari, Muhammad Bin Jarir. 1420H. *Tafsir al-Tobari Jamik al-Bayan 'un Takwil Ai al-Quran*. Beyrut: Muassasah al-Risalah.
- Rabitah al-Alami al-Islami al-Majmak al-Fiqhi al-Islami. 2004. *Qararat al-Majmak al-Fiqhi al-Islami Bi Makkah al-Muqarramah*. Makkah.
- Vadillo, Umar Ibrahim. 1996. *The Return of The Gold Dinar*. Capetown, South Africa: Madinah Press.
- Ismail. 2003. *Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak*. Johor: UTM Skudai.